

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]

TARIKH : RABU, 10 JUN 2015

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah kos dan risiko cadangan pembinaan empangan dan tebatan banjir di Kelantan. Berapakah jumlah dan jenis pokok yang ditanam serta keluasan penanaman bagi mengatasi permasalahan banjir.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah merancang untuk melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Kelantan dan telah dipohon dalam Rancangan Malaysia ke-11.

Kos keseluruhan kerja-kerja yang diperlukan bagi perlaksanaan projek Pembangunan Lembangan Sungai Kelantan adalah dianggarkan sebanyak RM3,605,500,000.00.

Dari aspek penanaman pokok Kementerian telah mengambil tindakan berikut :

- I. Menganggotai Pasukan Petugas Khas Program Restorasi Tebing Sungai Kelantan yang terjejas akibat banjir pada April 2015 di bawah NRE iaitu Projek-Projek Pemulihan Infrastruktur Pasca Banjir bagi tahun 2015-2019. Penanaman akan dibuat dengan spesies tempatan seperti Merbau, Keruing Neram, Pokok Nadir, dan lain-lain spesies yang sesuai ditanam di tebing sungai selain

beberapa spesies buluh dan tumbuhan tutup bumi dari jenis rumput dan kekacang di sepanjang Sungai Kelantan

- II. Mengenalpasti kawasan dari segi keluasan dan keperluan penanaman di sepanjang Sungai Kelantan. Kawasan-kawasan di sepanjang sungai Kelantan ini kebanyakannya melibatkan Tanah Beri Milik dan Tanah Kerajaan dan luar Hutan Simpanan Kekal.
- III. Memohon peruntukan dalam RMK-11 dibawah Program Restorasi Tebus Guna Pemulihan bagi menanam pokok di kawasan-kawasan terosot dan terjejas banjir di dalam dan luar HSK dengan keluasan keseluruhan 2,000 hektar di sepanjang Sungai Kelantan.

Sekian, Terima Kasih.